Nama: .....

Bercuti di kampung

Pada cuti sekolah yang lalu, kami sekeluarga _____ 1 _____ di kampung. Kami bertolak ke rumah datuk dan nenek dengan menaiki kereta ayah.

Selepas tiga jam, kami pun tiba. Datuk dan nenek _____ 2 _____ kami dengan tangan terbuka. Mereka telah menyediakan makanan yang sedap untuk kami sekeluarga. Kami makan dengan berselera.

Pada keesokkan hari, kami bangun pada awal pagi untuk _____ 3 _____. Kemudian, kami mengikut datuk ke dusun durian. Kami menolong datuk _____ 4 _____ buah durian yang gugur ke dalam raga rotan.

Pada sebelah petang pula, datuk membawa kami _____ 5 _____ ikan di tepi sungai. Datuk mengajar kami cara memancing ikan. Kami mendapat banyak ikan pada hari itu.

Setelah tiga hari berada di kampung, kami pun _____ 6 _____ untuk pulang ke rumah. Kunjungan ke rumah datuk dan nenek telah menjadi kenangan manis untuk kami.

berkemas-kemas	bercuti	mengutip
memancing	bersarapan	menyambut

LIVEWORKSHEETS